

# UMS bakal miliki hospital universiti

DE 9.5.2013

**Khabil Kiram**

KOTA KINABALU: Rancangan untuk membina sebuah hospital pengajar bagi Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah diluluskan, menurut Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Hospital pengajar 400-katil itu, dengan kos yang tidak didedahkan, akan dibina bersebelahan dengan Sekolah Perubatan.

Harun berkata ia telah diluluskan oleh Kabinet dan satu kontraktor dalam proses untuk dilantik bagi pembinaannya.

Harun, bersama dengan Dekan Sekolah Perubatan Prof Dr D Kamarudin D Mudin, bercakap kepada pemberita selepas pembukaan Hari Kesedaran Bencana dan Pengurusan Kecemasan di Auditorium Utama Sekolah Perubatan itu, di sini, Rabu.

Kamarudin berkata hospital itu akan berfungsi sebagai satu pusat pendidikan dan penyelidikan dalam bidang perubatan.

"Ia akan meningkatkan aktiviti akademik dan perkembangan program pengkhususan di Sabah," katanya.

Kamarudin menambah bahawa hospital itu akan membuka kerjasama antara Jabatan Kesihatan dan UMS dalam membangunkan program pengkhususan yang amat diperlukan di Sabah.

Harun berkata, buat masa ini, pelajar perubatan universiti itu ditempatkan di hospital di Sandakan dan Kota Kinabalu untuk latihan.

"Insyah-Allah, apabila hospital pengajar itu siap, kami dapat menempatkan kesemua pelajar kami di hospital itu," kata Harun.

Buat masa ini terdapat kira-kira 500 pelajar perubatan di Sekolah Perubatan dan seramai 350 lagi telah tamat pengajian, menurut Kamarudin.

Sementara itu, Harun berkata universiti itu merancang untuk menujuhkan satu Pasukan Perubatan Kecemasan Khas, yang akan berpusat di hospital pengajar itu, untuk membantu Negeri semasa bencana.

"Pasukan itu dianggotai oleh kakitangan kami tetapi pada masa yang sama, kami akan memasukkan pelajar untuk mendedahkan mereka (kepada persekitaran kerja)," kata Harun.